

13 APR 1999

Samy-Perutusan

MASYARAKAT INDIA PERLU BERSEDIA HADAPI ALAF BARU, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu mengingatkan masyarakat India supaya bersedia menghadapi cabaran-cabaran di dalam alaf baru, dengan penganut Hindu dan Sikh masing-masing menyambut Tahun Baru dan Hari Vesakhi esok.

Dalam perutusan Tahun Baru dan Hari Vesakhi, beliau berkata mereka harus bersedia untuk membuat keputusan-keputusan baru untuk diri dan anak-anak mereka.

"Terdapat banyak keputusan untuk dibuat oleh kita," katanya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata ibu bapa harus melabur untuk masa depan anak-anak dengan menghantar mereka ke institusi pendidikan terbaik bagi membolehkan mereka bersedia menghadapi cabaran-cabaran itu.

Masa depan mereka bergantung kepada seberapa cepat mereka bertindak apabila menghadapi masalah, katanya.

Presiden MIC itu juga meminta mereka supaya terus menyokong Pelan Tindakan Pemulihan Ekonomi kerajaan yang bertujuan memulihkan ekonomi negara.

"Walaupun kita telah melihat kemajuannya, ini tidak bermakna rakyat harus memandang ringan mengenainya. Terpulang kepada kita untuk memastikan ekonomi negara pulih dalam jangka masa yang pendek," katanya.

Beliau juga menggesa masyarakat India supaya memberikan sokongan penuh kepada Barisan Nasional (BN) yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Untuk mempunyai masa depan yang baik, kita perlu stabli dari segi politik dan ekonomi," katanya.

Sementara itu, sebuah pertubuhan agama, Malaysia Hindu Sangam, berkata tahun mendatang merupakan tahun yang penuh cabaran bukan sahaja kepada penganut Hindu tetapi semua rakyat Malaysia.

Presidennya A.Vaithilingam berkata kebanyakan masa pada tahun lepas menyaksikan berlakunya kemelut ekonomi, politik, kesihatan dan alam sekitar.

Beliau berkata negara kini mula mengatasi masalah-masalah sementara itu walaupun secara perlahan.

Penganut Hindu Tamil akan memasuki tahun "Pramaathi" manakala penganut Kerali, iaitu masyarakat Malayali, memasuki tahun "Vishu" dan penganut Sikh memasuki tahun "Vaishakhi".

-- BERNAMA

ES NAK